

—
Ulasan Buku
—

**UNDANG-UNDANG KESALAHAN JENAYAH
SYARIAH DI MALAYSIA**

Penulis : Siti Zubaidah Ismail
Tahun : 2017
Penerbit : Penerbit Universiti Malaya
ISBN : 978-983- 100-885-0
Pengulas : **Siti Aisyah Samudin**
*Senior Lecturer, Department of
Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603
Kuala Lumpur.
sitiaisyah.samudin@um.edu.my*



Undang-undang Kesalahan jenayah Syariah merupakan kelompok kesalahan yang melibatkan isu agama Islam sahaja serta dibicara dan dihukum di bawah mahkamah syariah negeri. Kesalahan ini membabitkan pelanggaran terhadap rukun agama yang dilakukan oleh orang Islam meliputi kesalahan akidah, ajaran sesat misalnya, kesalahan berkaitan moral atau tatasusila antaranya berzina serta berkhalwat, yang tiada peruntukan di bawah mahkamah Persekutuan.

Dalam kerangka fiqh jenayah berdasarkan al-Quran, hadis dan perbincangan fuqaha', perbincangan tentang kesalahan jenayah dan hukumannya adalah berdasarkan tiga kategori merangkumi hudud, qisas dan diyat, serta takzir. Kesalahan hudud merujuk pada kesalahan-kesalahan yang khusus dinyatakan bentuk dan hukumannya dalam al-Quran dan hadis. Qisas dan diyat pula merupakan kesalahan melibatkan nyawa dan tubuh badan manusia yang turut dijelaskan hukumannya di dalam dua sumber perundangan Islam. Bagi kesalahan takzir, ia merupakan apa-apa kesalahan yang selain daripada kesalahan hudud dan qisas.

Takzir boleh merangkumi apa-apa sahaja perbuatan yang sesuai yang dianggap kesalahan oleh suatu masyarakat, kerana ia melanggar norma

adat, mengancam keselamatan dan ketenteraman awam serta menjejaskan kepentingan mereka. Kesalahan takzir adalah bergantung kepada pihak berkuasa serta boleh dikanunkan pada bila-bila masa, bergantung kepada keperluan dan keadaan setempat. Pada masa kini, lebih banyak jenayah terletak dalam kategori takzir dan memerlukan penyelesaian yang sesuai kerana tiada penetapan khusus mengenai hukumannya di dalam al-Quran mahupun Sunnah.

Dari sudut sejarah awal perundangan jenayah Islam di Tanah Melayu, ianya adalah bersekali dengan sejarah kedatangan Islam itu sendiri ke Tanah Melayu. Sejarah mencatatkan bahawa pemerintah Melaka yang menjadi pusat terawal kepada kedatangan Islam pada zaman awal amat tertarik dengan Islam dan akhirnya mengamalkan ajaran ini dan mengkanunkannya. Pengkanunan undang-undang terawal yang dikenali sebagai Hukum kanun Melaka diakui berasaskan ajaran islam khususnya mazhab Syafie biarkan memiliki elemen undang-undang adat dan berteraskan bangsa Melayu.

Undang-undang tempatan terus berkembang dengan melalui fasa dan era penjajahan British. Pun begitu, sifat “tempatan” ini tidaklah menjadikan ia sebagai undang-undang utama tanah Melayu, sebaliknya kedudukannya sebagai *law of the land* telah diganti dengan undang-undang Inggeris. Keadaan ini memungkinkan penyempitan skop aplikasi undang-undang Islam termasuk undang-undang jenayah Islam.

Seterusnya, sejarah membuktikan bahawa hal ehwal pentadbiran jenayah ditadbir oleh undang-undang yang diadaptasi dari India yang dikenali sebagai Straits Settlement’s Penal Code 1872 (Kanun Keseksaan) dan Kanun Prosedur Jenayah (Criminal Procedure Code) yang telah diperkenalkan pada tahun 1902 dan 1905. Ini merupakan undang-undang pertama mengenai jenayah di Tanah Melayu, sekali gus menjadikannya sebagai statut utama dalam menagwal perilaku jenayah dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa. Semenjak 1934, seluruh Tanah Melayu telah menggunakan undang-undang yang digunakan di Negeri-negeri Selat. Pada waktu itu, umumnya undang-undang jenayah syariah telah diperkenalkan serta dinamakan sebagai Undang-undang Kesalahan Orang-orang Islam (*Muhammedan (Offences) Law*).

Pemantapan terhadap undang-undang jenayah syariah terus dilakukan dengan memasukkannya bersekali dalam satu *volume* undang-undang pentadbiran seperti yang wujud di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952, iaitu enakmen yang pertama diluluskan untuk mengatur pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Ia seterusnya diikuti oleh Terengganu (1955), Pahang (1956) dan Kelantan (1966) dengan wujudnya Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966 yang mengkhususkan satu bahagian untuk peruntukan kesalahan.

Seterusnya, dari sudut konsep, kesalahan jenayah syariah turut dianggap sebagai kesalahan terhadap agama. Kesalahan terhadap agama yang menjadi skop penguatkuasaan adalah merujuk kepada perbuatan atau perlakuan yang berlaku dalam domain awam yang juga berkaitan dengan konsep makruf dan mungkar. Makruf ialah perbuatan dan perkataan baik menurut syarak yang perlu dijaga. Mungkar ialah perbuatan dan perkataan buruk yang ditegah syarak dan perlu dicegah. Penguatkuasaannya pula berkaitan dengan dengan konsep amar makruf dan nahi mungkar, iaitu menyuruh yang baik dan mencegah yang buruk yang merupakan tanggungjawab sisal umat Islam secara keseluruhan.

Kesalahan terhadap agama, pencegahan perkara mungkar dan penguatkuasaannya oleh pegawai penguatkuasa agama boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu, apa-apa yang berkaitan dengan ibadat dan perbuatan tercela. Bagi membezakan kesalahan jenayah sivil dengan kesalahan jenayah syariah, kedudukan kesalahan jenayah syariah perlu difahami mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Istilah kesalahan terhadap agama diambil daripada Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual kesembilan Senarai 2 (Senarai Negeri). Istilah ini merujuk kepada kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama Islam. Justeru, kesalahan jenayah syariah yang hendak dikuatkuasakan terhadap masyarakat beragama Islam adalah kesalahan terhadap perintah agama secara am. Bagi mengelak percanggahan, kesalahan ini tidak boleh terdiri daripada kesalahan yang telah wujud dalam statut persekutuan seperti Kanun Keseksaan dan sebagainya. Kesalahan terhadap agama ini juga adalah kesalahan yang selain daripada yang telah diperuntukkan terlebih dahulu dalam Kanun Keseksaan.

Maksud “kesalahan” dalam konteks jenayah syariah ini ialah apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dijadikan boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang bertulis yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam dan yang ke atasnya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa. Justeru, penggunaan istilah jenayah syariah adalah khusus merujuk pada kesalahan yang diperuntukkan dalam akta/enakmen khusus mengenainya di sesebuah negeri.

Berasaskan kepada bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada mahkamah syariah, maka kesalahan jenayah syariah yang ada pada hari ini adalah terhad dan tidak sebanyak peruntukan yang terdapat dalam Kanun Keseksaan. Secara prinsipnya, kesalahan jenayah syariaah tidak meliputi kesalahan-kesalahan terhadap nyawa dan badan manusia yang membawa kepada hukuman mati, sebaliknya hanya memperuntukkan jenis

dan skop kesalahan berkaitan agama yang sesuai dengan bidang dan skop tugas penguatkuasa agama.

Kesalahan jenayah syariah diletakkan dalam bidang kuasa mahkamah syariah, iaitu mahkamah peringkat negeri yang tidak berada dalam struktur hierarki mahkamah persekutuan. Dalam perkataan lain, mahkamah syariah yang berkuasa mendengar, membicara, dan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh umat Islam yang melakukan kesalahan jenayah syariah di negeri tersebut sahaja. Kesalahan-kesalahan ini tidak terkandung dalam undang-undang persekutuan lain kecuali kesalahan sumbang mahram dan berjudi yang juga boleh diambil tindakan berdasarkan undang-undang persekutuan.

Justeru, secara konseptualnya, kesalahan jenayah di Malaysia ini dapat dikategorikan kepada dua, iaitu: (1) kesalahan jenayah sivil yang dibicarakan di mahkamah sivil dan terpakai kepada semua warganegara tanpa mengira kaum dan agama dan (2) kesalahan jenayah syariah yang terpakai ke atas orang Islam sahaja dan dibicarakan di Mahkamah Syariah kerana ia adalah kesalahan terhadap agama.

Kuasa penghukuman bagi kesalahan jenayah syariah dinyatakan dalam Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan menerusi pernyataan “penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu”. Bidangkuasa diberikan kepada Mahkamah Syariah melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 menerusi seksyen 2 yang menetapkan hukuman melibatkan penjara, denda dan sebat.

Penjara, denda dan sebat merupakan tiga jenis hukuman yang dimasukkan ke dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah dan lain-lain, dan kuasa menjatuhkan hukuman-hukuman ini diberikan kepada mahkamah Syariah. Dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah, semua kesalahan diperuntukkan hukuman denda atau penjara atau sebatan atau mana-mana kombinasi dua hukuman. Kadar hukuman adalah berbeza berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan.

Selain itu, Mahkamah juga diberikan kuasa untuk membuat pertimbangan wajar mengenai pemberian hukuman alternatif dan yang berkaitan pesalah muda. Pesalah muda ditakrifkan sebagai individu yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun. Oleh itu, hukuman yang dilakukan oleh pesalah muda oleh dalam bon jamin berkelakuan baik, amaran dan sebagainya, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 128 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Seterusnya, setiap kesalahan yang berda di bawah Akta/Enakmen Jenayah Syariah menggariskan elemen-elemen yang membentuk kesalahan masing-masing. Secara umum, elemen yang diperlukan adalah elemen perbuatan yang menunjukkan keterlibatan pihak-pihak dengan kesalahan yang disyaki. Kesalahan jenayah syariah hampir keseluruhannya tidak memerlukan pembuktian kewujudan elemen mens rea. Sama ada seseorang itu dengan sengaja, secara cuai, atau dengan niat jahat melakukan sesuatu perbuatan, bukanlah suatu yang relevan bagi maksud memenuhi elemen kesalahan jenayah syariah.

Penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah berkaitan dengan konsep amar makruf dan nahi mungkar pula merupakan tanggungjawab umat Islam dalam menegakkan keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Konsep ini pada hakikatnya menuntut umat Islam agar tegur-menegur dan nasihat-menasihati jika berlaku perkara mungkar dalam masyarakat agar maksiat yang dilakukan dapat diperbetulkan seterusnya mewujudkan masyarakat yang patuh kepada tuntutan agama.

Dalam konteks kerajaan pula, tugas ini berada di antara sempadan tuntutan agama, iaitu saling menasihati dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan kesalahan yang diperuntukkan. Dalam menjalankan tugas mewakili kerajaan sebagai Pegawai Penguatkuasa Agama, terdapat beberapa prinsip asas dalam penguatkuasaan;

Pertama: Penguat kuasa dilarang mengintip dan mencari-cari kesalahan khususnya yang tersembunyi. Secara umumnya, skop tugas penguatkuasa adalah mengenal pasti kesalahan yang dilakukan di tempat awam yang zahir kepada penguat kuasa, kesalahan itu diketahui dan termasuk dalam bidang kuasa mereka. Sekiranya perbuatan yang berupa maksiat itu boleh dihindari dengan menggunakan pendekatan nasihat atau kerana ia tidak wajar dikenakan tindakan undang-undang, maka wajarlah Pegawai Penguatkuasa Agama memberi nasihat sebagai sebahagian daripada amar makruf dan nahi mungkar.

Kedua: akses ke kawasan persendirian mestilah dengan kebenaran dan menerusi pintu masuk. Pegawai Penguatkuasa Agama tidak harus mengintip dan memasuki suatu premis secara tersembunyi atau tanpa kebenaran.

Ketiga: Tumpuan adalah pada kesalahan yang dilakukan di kawasan awam dan terbuka. Hampir kesemua kesalahan jenayah syariah adalah melibatkan perlakuan di khalayak ramai, kecuali khalwat yang secara jelas menyebut “berdua-duaan di tempat sunyi”. Begitu juga dengan beberapa lagi kesalahan berkaitan moral seperti, persetubuhan luar nikah dan sebagainya. Dalam konteks ini, apabila wujud aduan dan bukti yang kuat, maka penyiasatan yang

dilakukan di tempat persendirian yang disyaki itu, bukanlah satu pencerobohan privasi.

Bagi menguatkuasakan satu kesalahan jenayah syariah, apa yang lebih penting ialah setiap peruntukan undang-undang mestilah jelas agar difahami kehendak sebenar kesalahan itu. Adalah sukar untuk pihak penguat kuasa agama menjalankan tugas penguatkuasaan sekiranya undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka adalah tidak jelas. Kesannya adalah peruntukan berkenaan tidak dapat dilaksanakan, boleh menjejaskan operasi dan boleh menyebabkan berlaku ketidakadilan.

Bagi mentadbir dan menguatkuasakan peruntukan bagi kesalahan jenayah syariah, pihak jabatan agama setiap negeri telah mewujudkan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan. Kedua-dua bahagian ini terletak di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Bahagian Penguatkuasaan berperanan menguatkuasakan peruntukan kesalahan yang ada dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri. Tindakan penguatkuasaan mereka adalah berasaskan kepada aduan masyarakat awam dan juga hasil operasi dan rondaan yang dijalankan secara berkala. Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan, panduan dan tatacara standard operasi yang merujuk kepada akta/enakmen tatacara jenayah syariah pula merupakan rujukan asas dalam pengendalian penguatkuasaan dan juga pendakwaan negeri. Dalam menjalankan tugas mereka, kerjasama juga diperoleh daripada pihak polis dan juga agensi persekutuan yang lain.

Seterusnya, peruntukan utama dalam membuat rujukan ke atas undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia secara umumnya berada di bawah enakmen khusus setiap negeri, iaitu Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Pun demikian, terdapat juga beberapa enakmen lain yang memperuntukkan kesalahan yang boleh dihukum atau dikenakan penalti terhadap pelanggaran peraturan-peraturan yang diletak di bawah kuasa undang-undang negeri yang berkaitan dengan agama Islam. Peruntukan undang-undang tersebut merangkumi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri, Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Negeri dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri.

Undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah di Malaysia juga telah dikategorikan kepada lima bahagian. Kategori pertama melibatkan kesalahan berkaitan akidah. Kesalahan ini membabitkan kesalahan-kesalahan yang boleh menjejaskan akidah umat Islam. Antaranya, pemujaan salah, mengajar doktrin palsu, mengembangkan kepercayaan agama selain daripada agama

Islam, mendakwa diri sebagai Rasul, nabi, Imam Mahdi, wali, atau mendakwa mengetahui perkara yang di luar pemahaman manusia.

Kategori kedua melibatkan kesalahan berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya. Kesalahan ini berkenaan kesucian agama termasuk menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam, mempersendakan ayat al-Quran atau Hadis, menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama, mengingkari perintah mahkamah, mengajar agama tanpa tauliah, tidak menghormati Ramadan, tidak mengerjakan sembahyang Jumaat, tidak membayar zakat atau fitrah, berjudi, mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak, menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama, dan minuman yang memabukkan.

Kategori ketiga melibatkan kesalahan berhubung dengan tatasusila. Kesalahan ini merangkumi kesalahan seperti sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, percubaan melakukan persetubuhan luar nikah, khalwat, musahaqah, liwat, lelaki berlagak perempuan, perempuan berlagak lelaki, perbuatan tidak sopan di tempat awam, hamil di luar nikah (Melaka, Kelantan, dan Perak), muqaddimah zina (Kelantan) dan persetubuhan dengan bukan manusia (Terengganu).

Kategori keempat melibatkan kesalahan pelbagai merangkumi kesalahan menggalakkan maksiat, mencemarkan masjid, memujuk perempuan lari daripada suami, takfir, memungut zakat/fitrah tanpa kuasa, qazaf, penyalahgunaan tanda halal, memujuk lari perempuan bersuami, menghasut suami isteri bercerai atau mengabaikan kewajipan, menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri dan menjual anak kepada orang bukan Islam.

Kategori kelima melibatkan kesalahan matrimoni dan berkaitan akad nikah. Kesalahan ini secara konsepnya bukanlah merupakan kesalahan jenayah, namun kesalahan yang dikenakan penalti dan perbicaraan dibuat dengan mengunapakai tatacara jenayah. Kesalahan matrimoni dan berkaitan akad nikah ini diletakkan di bawah bahagian “Penalti” di dalam Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Antaranya ialah kesalahan berpoligami tanpa kebenaran, menganiaya isteri, menjalankan akad nikah tanpa kuasa dan sebagainya.

Bagi perihal agensi dan bidang kuasa pentadbiran jenayah syariah, urusan pentadbirannya membabitkan beberapa institusi utama. Agensi yang terlibat merangkumi Bahagian Penguatkuasaan yang menangani kesalahan-kesalahan ini sebelum diserahkan kes tersebut kepada bahagian Pendakwaan bagi mengendalikan pendakwaan di Mahkamah Syariah. Bahagian Penguatkuasaan

pada awal penubuhannya melalui penubuhan Majlis Agama Islam/Jabatan Agama Negeri, dikendalikan oleh Merinyu Agama di pejabat Kadhi. Bahagian ini juga dahulunya diletakkan bersekali dengan bahagian pendakwaan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta diketuai oleh seorang Pendakwa Syarie yang berjawatan Ketua Penolong Pengarah, sebelum kedua-dua agensi ini dipisahkan. Pengasingan tugas dan bahagian penguatkuasaan dan pendakwaan kepada dua bahagian tersendiri bertujuan memastikan penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan lebih professional, cekap dan berkesan.

Pegawai Penguatkuasa Agama merupakan pegawai yang dilantik dalam kalangan anggota perkhidmatan awam yang mempunyai peranan dan fungsi sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang. Pada asasnya, mereka bertanggungjawab dalam tiga aspek utama tugas seorang pegawai penguatkuasa agama. Aspek pertama melibatkan penanganan setiap aduan berkenaan jenayah syariah. Aspek kedua melibatkan pelaksanaan tindakan siasatan. Aspek ketiga pula melibatkan penyediaan fail siasatan.

Bahagian pendakwaan pula diketuai oleh seorang Ketua Pendakwa Syarie yang mengepalai pasukan pendakwa syarie di bahagian ini. Objektif pendakwaan jenayah adalah bagi memberi keadilan kepada pihak-pihak tertuduh dan yang terlibat dengan sesuatu kes jenayah. Secara umum, terdapat 4 peranan dan fungsi Pendakwa Syarie iaitu:

- a) Bertindak sebagai pendakwa dalam semua perbicaraan kes jenayah di Mahkamah Syariah.
- b) Bertanggungjawab mengkaji fail siasatan yang diterima dari Bahagian Penguatkuasaan dan memastikan semua dokumen, maklumat dan fakta yang diperlukan ada di dalam fail.
- c) Merangka pertuduhan yang tepat yang mengandungi fakta tentang waktu, tarikh dan tempat kejadian, huraian kesalahan dan seksyen berkenaan.
- d) Melakukan persediaan yang sepatutnya bagi memantapkan kes pendakwaan.

Institusi seterusnya yang terlibat dalam urusan pentadran kesalahan jenayah syariah ialah Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah, dikenali sebagai Jabatan kehakiman Syariah negeri sejak 1998, bertanggungjawab menjalankan perbicaraan kes-kes jenayah syariah. Bidang kuasa perbicaraan sesuatu kes pula bergantung pada hierarki Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah rayuan Syariah. Ketua Hakim Syarie Negeri yang berperanan sebagai Ketua Perkhidmatan di negeri, bertanggungjawab mentadbir dan menguruskan hal ehwal serta perjalanan Mahkamah Syariah. Pembahagian bidang kuasa pula diatur oleh

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam, Enakmen Mahkamah Syariah atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.

Bagi konteks bidang kuasa menjatuhkan hukuman, dalam melaksanakan bidang kuasa perbicaraan dan penghukuman, Mahkamah Syariah juga tertakluk kepada takat hukuman yang boleh dijatuhkan. Dalam hal ini, rujukan adalah dipandukan kepada seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984. Peruntukan ini secara ringkas menyatakan bahawa semua kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, telah mengehadakan hukuman maksimum bagi mana-mana kesalahan kepada denda RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau sebatan tidak melebihi enam kali.

Secara ringkas, dapat dikatakan bahawa Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa jenayah masing-masing. Mahkamah Rendah Syariah berbidang kuasa ke atas kes yang mana hukumannya tidak melebihi RM2,000 atau satu tahun penjara. Jika hukumannya melebihi kadar tersebut, maka mahkamah yang berbidang kuasa membicarakan kes tersebut ialah Mahkamah Tinggi Syariah. Manakala, Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah berbidang kuasa untuk mendengar rayuan daripada mahkamah syariah yang tinggi dalam bidang kuasa asalnya dan hendaklah juga mempunyai bidang kuasa untuk mendengar perkara-perkara mengenai rayuan mengenai kepentingan awam yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa rayuannya.

Perbincangan dilanjutkan dengan menjelaskan aspek kesalahan-kesalahan jenayah syariah secara terperinci mengikut kategori. Bagi kategori kesalahan melibatkan akidah, terdapat empat kesalahan yang boleh disabitkan iaitu pemujaan salah, doktrin palsu, dakwaan palsu dan mengembangkan doktrin agama selain Islam. Peruntukan bagi setiap kesalahan ini adalah berbeza-beza mengikut akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.

Kesalahan pemujaan salah merupakan perbuatan pemujaan terhadap apa-apa objek yang merupakan tindakan syirik dan dilarang agama. Bagi kesalahan pemujaan salah, tiga elemen kesalahan yang perlu dibuktikan ialah wujud perbuatan memuja, wujud objek yang dipuja dalam bentuk unsur alam semula jadi, dan perbuatan memuja tersebut hendaklah bertentangan dengan Hukum Syarak.

Kesalahan doktrin palsu pula menyamai mengajar ajaran yang dikatakan berdasarkan ajaran Islam namun hakikatnya adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam. Bagi kesalahan doktrin palsu, elemen utama yang diperlukan bagi mengaitkan pelaku dengan kesalahan ini ialah wujud aktiviti atau perbuatan mengajar atau menjelaskan doktrin kepada sekumpulan orang,

wujud pelaksana upacara berkaitan ajaran yang bertentangan Hukum Syarak dan ajaran tersebut adalah bertentangan dengan Hukum Syarak.

Kesalahan dakwaan palsu pula merupakan dakwaan palsu dan sesat yang dikeluarkan oleh individu seperti pemimpin kumpulan ajaran sesat yang mendakwa diri mereka bertaraf nabi dan sebagainya. Elemen kesalahan yang perlu dibuktikan merangkumi perbuatan mengisytihar, berlagak atau mengeluarkan kata-kata bahawa diri sendiri atau orang lain sebagai nabi, wali serta mengetahui perkara ghaib yang bertentangan dengan ajaran Islam dan menyatakan atau mendakwa diri atau orang lain mengetahui perkara yang di luar kemampuan manusia serta bertentangan dengan ajaran Islam.

Kesalahan mengembangkan doktrin agama (selain Islam) turut dikategorikan di bawah kesalahan akidah. Perbezaan kesalahan ini dengan kesalahan doktrin palsu ialah, kesalahan doktrin palsu melibatkan ajaran, tafsiran dan amalan yang dikatakan berada dalam ruang lingkup Islam, sedangkan mengembangkan doktrin agama adalah khusus mengenai agama selain Islam. Elemen utama bagi kesalahan ini ialah wujud perbuatan mengembangkan ajaran agama bukan Islam dan perbuatan itu mesti dilakukan oleh orang beragama Islam terhadap penganut beragama Islam juga.

Kesalahan jenayah syariah seterusnya dibincangkan di bawah kategori kesalahan berkaitan kesucian agama Islam dan institusinya. Kesalahan ini melibatkan perbuatan menghina Islam, mempersenda ayat al-Quran atau Hadis, tidak menghormati Ramadan, penerbitan agama bertentangan Hukum Syarak, tidak membayar zakat atau fitrah, tidak solat Jumaat, berjudi, minum minuman memabukkan, mengajar agama tanpa tauliah, mengeluarkan pendapat bertentangan fatwa, ingkar perintah mahkamah, serta menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama. Sebagaimana kesalahan melibatkan akidah, kesalahan dalam kategori ini serta semua kesalahan di bawah jenayah syariah mempunyai elemen-elemen kesalahan yang perlu dibuktikan terlebih dahulu bagi mengaitkan tertuduh dengan kesalahan tersebut.

Seterusnya, kesalahan-kesalahan lain turut diletakkan di bawah kategori kesalahan melibatkan tatasusila iaitu khalwat, bersekedudukan, pelacuran, muncikari, persetubuhan haram, hamil luar nikah, muqaddimah zina, sumbang mahram, liwat, musahaqah, orang lelaki berlagak seperti perempuan, perbuatan tidak sopan di tempat awam, pertandingan ratu cantik serta persetubuhan dengan bukan manusia.

Terdapat kesalahan yang diletakkan di bawah kategori kesalahan pelbagai. Kesalahan ini tidak diberi nama khusus bagi menggambarkan kepelbagaian skopnya. Ia terdiri daripada kesalahan-kesalahan selain daripada kesalahan yang telah diletakkan dalam kategori-kategori khusus sebelum ini. Kesalahan

pelbagai merangkumi qazaf, memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu, takfir, memusnahkan atau mencemarkan masjid, suru, memungut zakat atau fitrah tanpa kuasa, pembayaran tak sah zakat atau fitrah, menggalakkan maksiat, serta memujuk lari perempuan bersuami.

Seterusnya, terdapat juga kesalahan yang berkaitan dengan matrimoni. Peruntukan perbuatan berkaitan matrimoni yang boleh dikenakan penalti terletak di bawah Akta/Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri dan mengguna pakai Enakmen Tatacara Jenayah Syariah untuk prosedur pendakwaan. Kesalahan berkaitan matrimoni bokeh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:

- a) Kesalahan berkaitan akad nikah dan pendaftaran pernikahan, dan
- b) Kesalahan kekeluargaan yang lain.

Jenis kesalahan berkaitan akad nikah dan pendaftaran pernikahan termasuklah tidak hadir di hadapan pendaftar dalam masa yang ditetapkan, gangguan dalam perkahwinan, akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan, kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan serta mengakadnikahkan tanpa kuasa. Jenis kesalahan kekeluargaan lain pula merangkumi perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran mahkamah, tidak membuat laporan, meninggalkan langsung isteri, menganiaya suami atau isteri, tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isteri, isteri tidak menurut perintah, jadi murtad untuk membatalkan perkahwinan, lelaki bersekedudukan dengan isteri yang telah dicerai, lelaki bersekedudukan dengan isteri yang telah dicerai tanpa isteri mengetahui perceraian, perempuan bersubahat dengan kesalahan di bawah subseksyen 132(1), kecuiaan dengan sengaja untuk mematuhi perintah nafkah, percubaan subahat, suami tidak tunai nafkah batin, menghasut suami atau perempuan supaya bercerai, menceraikan isteri waktu diharamkan, menzalimi suami, isteri dan anak, menjual atau membeli anak, serta poligami tanpa kebenaran mahkamah.

Selain itu, perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengan mengembangkan agama bukan Islam dalam kalangan orang Islam juga boleh diambil tindakan berdasarkan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam. Terdapat perbezaan antara enakmen ini dengan enakmen kesalahan jenayah syariah. Antaranya, enakmen ini merupakan enakmen persekutuan kerana ia melibatkan tertuduh dalam kalangan orang bukan Islam yang cuba mengembangkan agama mereka kepada orang beragama Islam.

Oleh kerana ia berkaitan dengan orang bukan Islam, maka perbicaraan peruntukan kesalahannya perlu dilakukan di Mahkamah Majistret dan bukannya Mahkamah Syariah. Pihak Penguatkuasa Agama hanya berperanan sekiranya

diberi tauliah dan bergelar “pegawai tauliah” untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini.

Kesalahan-kesalahan yang boleh disabitkan di bawah enakmen ini merangkumi empat jenis kesalahan, iaitu:

- a) Kesalahan memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut seseorang Islam untuk menjadi seorang pengikut atau anggota dan sebagainya, suatu agama bukan Islam.
- b) Kesalahan mendedahkan seseorang yang beragama Islam di bawah umur lapan belas tahun kepada pengaruh-pengaruh suatu agama bukan Islam.
- c) Kesalahan mendekati seseorang yang beragama Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan apa-apa perkara mengenai suatu agama bukan Islam.
- d) Kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan-terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada seseorang yang beragama Islam.
- e) Kesalahan membahagikan apa-apa terbitan atau bahan publisiti mengenai agama bukan Islam kepada orang yang beragama Islam.
- f) Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan tertentu yang bersumber Islam.

Bagi kesalahan melibatkan keluar agama Islam, undang-undang syariah cuba mengawal umat Islam daripada keluar agama kerana ia adalah sesuatu yang mencemarkan kesucian agama Islam dan membahayakan akidah orang Islam secara keseluruhan. Namun, dari segi undang-undang dan pengaturan, didapati pentadbirannya tidak sama dan seragam di antara negeri-negeri. Di Wilayah Persekutuan misalnya, tiada sebarang undang-undang yang jelas tersurat atau peruntukan bidang kuasa untuk berbuat demikian dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993. Hal ini menyebabkan permohonan keluar Islam khususnya oleh golongan saudara baharu sebelum tahun 2000 diajukan ke mahkamah Sivil dan bukannya ke Mahkamah Syariah.

Biarpun dari segi undang-undang, permohonan keluar agama atau penentuan status agama hendaklah dikemukakan di Mahkamah Syariah, sebelum perkataan “Islam” boleh digugurkan daripada kad pengenalan atau dari Daftar Muafak, namun ia tidaklah semudah yang disangkakan. Ketiadaan tatacara dan kaedah yang selaras menunjukkan bahawa negeri-negeri tidak mahu terlalu terbuka dalam menguruskan perkara yang sensitif ini.

Realiti di Malaysia, kes permohonan keluar Islam yang dikemukakan di Mahkamah Syariah sejak beberapa dekad ini, bukanlah terhad kepada pertukaran agama semata-mata, malah turut melibatkan permohonan oleh

orang yang celaru tentang identiti agama mereka disebabkan kesilapan status agama semasa pendaftaran dan sebagainya. Justeru, undang-undang yang ada perlu melihat dan menilai realiti ini dan kaedah yang sesuai bagi mengendalikan isu-isu selain keluar agama seperti penentuan status agama, pengesahan agama, perakuan agama simati dan sebagainya perlu digubal.

Kesimpulannya, buku ini membincangkan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah di Malaysia. Walaupun buku ini merupakan sebuah buku perundangan, namun setiap topik disusun atur dan dibincangkan begitu jelas dengan bahasa yang mudah difahami. Fokus perbincangan dalam buku ini tertumpu kepada aspek kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri-negeri serta undang-undang bertulis lain yang berkaitan. Sebagai sebuah buku khas yang membincangkan aspek kesalahan jenayah syariah secara rapi mengikut sejarah, definisi dan elemen kesalahan, kes-kes berkaitan serta perbandingan peruntukan kesalahan antara negeri-negeri, buku ini ketara berjaya menambahkan koleksi rujukan undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia secara komprehensif. Buku ini turut berjaya memenangi Hadiah Karya Ilmiah kategori Seni, Sains Sosial dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 2018.

